

07/07/2002

Siri Piala Perdana kembali dianjurkan

Mohd Ali Majid

SUKAN berkuda siri Piala Perdana kembali semula dan akan berlangsung di Bukit Kiara Equestrian & Country Resort, 11 hingga 14 Julai Ini.

Kira-kira 500 penyertaan, 96 penunggang dan 120 kuda mengambil bahagian dalam kejohanan siri kelima ini yang menyediakan hadiah keseluruhan RM85,000 anjuran Kumpulan ARL Marketing Sdn Berhad (ARLM).

Ia diadakan sempena dengan sambutan ulang tahun kelahiran Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga peminat nombor satu sukan berkuda negara.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Abdul Razak Latiff, berkata beliau gembira kerana sukan itu mendapat sambutan hebat dengan bertambahnya penyertaan dalam setiap kejohanan.

"Pihak kami akan terus menganjurkan kejohanan itu sebagai menghormati sumbangan Perdana Menteri kepada negara dan minatnya terhadap sukan berkuda," katanya.

Bagaimanapun, katanya kejohanan musim ini diadakan sekali saja berbanding dua siri musim lalu kerana kesuntukan masa dan kebanyakan ekuin turut sibuk menghadapi persiapan Sukan Asia di Busan, Oktober nanti.

Dalam kejohanan kali ini peserta boleh mengambil bahagian dalam tiga acara yang diadakan iaitu dressage, show jumping dan gymkhana untuk semua peringkat umur.

Buat julung kali acara jalan lasak turut diperkenalkan sejauh 40 kilometer di sekitar kawasan Bukit Kiara bermula dari gelanggang kejohanan di padang polo dan berakhir di tempat yang sama.

Menurut Pengarah Kejohanan, Nina Melkonian seramai 20 peserta mengesahkan akan menyertai kejohanan ini.

Antara ekuin itu ialah dari Filipina, Jerman, Singapura, Indonesia dan ekuin negara yang bakal bersaing di Sukan Asia nanti.

"Mereka menjadikan kejohanan ini sebagai pemanas badan sebelum menghadapi Sukan Asia," katanya.

Antara ekuin yang dijangka mengambil bahagian terutama dalam acara show jumping dan dressage termasuk Olahragawan Sukan Sea 2001 Kuala Lumpur, Qabil Ambak dan adiknya, Quzandria Nur.

Ekuin lain negara yang dijadual turut serta menguji keupayaan, termasuk Eric Koh, Lea Tan, Ruzailina Zainal Abidin, Norinne Dewal, Rahida Razak dan Syed Omar Syed Abu Bakar.

Peserta luar negara pula membabitkan ekuin tidak asing di Asia Tenggara seperti Peter Abisheganaden dari Singapura, Akkara Konglapamnuay, Sunetr Burakasikom, Cholda Weber (Thailand), Helena Gabrielson (Sweden), Adi Katopo, Indra Rosendi, Rafiq Radinal, Ardi Hamidjojo (Indonesia) serta Danielle Cojaungro, Jenine Santos dan Paola Zobel (Filipina).